

# **PENILAIAN GERAN FUNDAMENTAL**

**Unit** Penyelidikan dan Pembangunan Universiti Malaysia Perlis dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (P&I) & Unit Pengurusan Kluster telah menganjurkan satu sesi temuduga bagi pemohon Geran Fundamental di bawah pengurusan Kementerian Pengajian Tinggi pada 23 Jun 2006 (Jumaat) di Hotel Putra Brasmana Kuala Perlis bermula dari pukul 8.30 pagi hingga 1.00 tengahari.

Seramai lima ketua dari setiap kluster serta tiga dekan pusat pengajian turut hadir bagi menjadi penilai kepada borang permohonan tersebut. Lapan penilai ini di dipecahkan kepada 2 bilik iaitu Bilik A dan juga Bilik B bagi memudahkan perjalanan penilaian dan dapat menjimatkan masa. Para pemohon juga dibahagikan kepada dua kumpulan bermula daripada kumpulan A permohonan 1 40 dan kumpulan B 41 79.

Tujuan utama sesi temuduga ini ialah untuk mengenalpasti kesilapan kecil yang dilakukan oleh pemohon serta untuk memberikan tunjuk ajar dari segi cara yang terbaik untuk mengisi borang tersebut. Segala pembedaan yang telah dikenalpasti akan dibaiki pada ketika itu juga. Pihak urusetia ada menyediakan 'notebook' serta mesin pencetak bagi memudahkan urusan.

Walaupun pada mulanya agak kucar kacir yakni bagi salinan borang permohonan Fundamental, disebabkan oleh penyusunan daripada pihak syarikat percetakan yang tidak mengikut senarai yang diberikan oleh pihak urusetia, tetapi selepas dikemaskini semuanya kembali terkawal.

Pada program asalnya, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Prof. Madya Dr. Zul Azhar akan menandatangani kesemua borang permohonan tersebut, akan tetapi kerana proses pembaikan yang perlu dilakukan oleh penyelidik, pihak urusetia terpaksa membatalkannya dan akan dilakukan pada hari Selasa di bilik Prof. Madya Dr. Zul Azhar sendiri. Sebanyak 80 permohonan telah diproses oleh pihak R&D dan jumlah keseluruhan permohonan bagi belanjawan adalah sebanyak RM 18,369,665.84

Seperti yang dijadualkan, program tersebut telah tamat sekitar jam 12.30 tengahari, dan ianya disudahi dengan jamuan makan kepada semua panel dan juga urusetia. Disertakan gambar proses penilaian yang berlansung pada hari tersebut sebagai lampiran.